

la membawa perubahan khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan

MAHATHIR PERTAHANAN KONSEP BCA

KUALA LUMPUR 28 Jun — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mempertahankan konsep 'Bersih, Cekap dan Amanah' (BCA) yang menjadi pegangan kerajaan dengan menyatakan ia telah mendatangkan perubahan ke arah kebaikan dalam khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan sekarang ini.

Perdana Menteri menegaskan, menerusi slogan itu kerajaan telah berusaha meningkatkan mutu dan kecekapan perkhidmatan kerajaan dan sebenarnya banyak kejayaan telah dicapai daripada segi khidmat kerajaan ini.

"Malangnya, orang-orang yang bersikap negatif dan berkepentingan sengaja tidak mahu mengakui kenaikan prestasi khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan."

"Mereka ini lebih suka mencari-cari kes kegagalan untuk didedahkan. Tujuan mereka ialah politik, tetapi akibat daripada komen mereka yang buruk ini ialah kekecewaan di kalangan kakitangan kerajaan," katanya di majlis makan malam Pertubuhan Juruukur Malaysia di Hotel Pan Pacific. Di majlis itu, Pertubuhan Juruukur menganugerahkannya "Fellowship Kehormat".

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata akibat sikap negatif itu, se-

mangat kakitangan kerajaan pun pudar dan hasrat kerajaan untuk mengadakan khidmat yang bersih, cekap dan amanahpun terganggu.

"Akibatnya ialah rakyat dan negara juga mengalami kerugian. Berilah pujian di mana pujian patut diberikan," tegasnya.

Sambil menjelaskan kerajaan tidak akan kecewa walaupun usahanya tidak dihargai, Perdana Menteri menambah: "Takkanlah kita tidak nampak sedikitpun perubahan ke arah kebaikan dalam khidmat pegawai dan kakitangan kerajaan sekarang ini."

Beliau mengajak ahli-ahli profesional memberikan penghargaan kepada kakitangan kerajaan apabila kena pada tempatnya.

Perdana Menteri juga mengingatkan tentang timbulnya gejala kepentingan individu serta ketamakan seseorang ahli yang menjejaskan nama baik profesion yang mereka wakili.

Menurutnya, gejala-gejala itu sudah pasti melanggar etika atau nilai-nilai yang dianjurkan oleh semua profesion dan ini termasuk profesion perubatan yang beliau menjadi anggota.

“Janganlah ahli-ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap disiplin membenarkan pengaruh atau kepentingan lain menghalang tindakan yang perlu diambil,” pesannya.

Datuk Sri Dr. Mahathir tidak mahu para profesional menganggap kelulusan sebagai juruukur, jurutera atau doktor cuma boleh menjadikan mereka ‘boss’ sahaja atau bermakna mereka boleh berjaya sebagai pelabur, pengurus atau peniaga.

Beliau bimbang anggapan inilah yang menyebabkan Malaysia mempunyai banyak perusahaan atau perniagaan yang kecil-kecil yang tidak mendapat faedah daripada ‘economies of scale’.

Kepada juruukur pula, Perdana Menteri berkata sebagai orang yang boleh mempengaruhi sara hidup di negara ini, adalah lebih baik daripada segi kawalan kos, jika bayaran mereka diasaskan kepada mutu kerja atau kadar masa seseorang itu bekerja.

Beliau menjelaskan kerajaan menganggap penting penurunan semua kos iaitu sara hidup keseluruhannya supaya negara menjadi lebih bersaing di pasaran dunia.